



Headline: Pemandu rugi RM80,000 ditipu 'Koperal Mohd. Azmi'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 7 April 2019

Language: Malay
Section: Semasa
Page: 8

Pemandu rugi RM80,000 ditipu 'Koperal Mohd. Azmi'

KUANTAN - Seorang pemandu *e-hailing* kerugian kira-kira RM80,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam di sini baru-baru ini.

Mangsa berusia 40 tahun yang membuat laporan polis di Ibu Pejabat Daerah Bera dekat sini semalam mendakwa, dihubungi suspek kononnya daripada syarikat telekomunikasi tengah hari Jumaat.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd Yusuf berkata, suspek kemudian memberitahu mangsa bahawa talian telefonnya akan ditamatkan atas alasan terlibat kes judi sebelum panggilan disambung kepada 'anggota polis' dari Kuala Lumpur.

"Mangsa mendakwa, suspek yang memperkenalkan diri sebagai Koperal Mohd. Azmi memberitahu, terdapat waran tangkap terhadapnya dan dia perlu memasukkan wang ke dalam akaun diberikan atas alasan siasatan.

"Mangsa melakukan 17 transaksi pemindahan wang pada petang sebelum menceritakan kejadian itu kepada isterinya yang mengesyaki suaminya menjadi mangsa penipuan," katanya.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

- Bernama